

BAB PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Sudah menjadi sifat manusia menyanjungi sesuatu yang baik, murni dan luhur. Ibarat kata pepatah Melayu, “yang baik dijadikan tauladan dan yang buruk dijadikan sempadan”. Justeru itu, adalah tidak menjadi kesalahan seandainya kita cuba untuk mengambil iktibar daripada kebaikan dan kemurnian yang terdapat dalam corak hidup bangsa-bangsa lain untuk diaplikasikan ke dalam corak hidup kita bagi membina peradaban yang lebih baik. Sehubungan dengan itu, pemimpin kita telah menyeru seluruh rakyat Malaysia agar mengambil sesuatu yang baik daripada peradaban Jepun melalui dasar Pandang Ke Timur yang telah dilancarkan beberapa tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita pula untuk meneliti apakah sumber yang baik yang boleh disesuaikan dengan budaya kita sebagai masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Segalanya akan dapat dijawab melalui penelitian yang lebih terperinci tentang peranan semangat *bushido* dalam membentuk peradaban Jepun pada zaman kontemporari terutamanya dari segi nilai etika, moral, penghasilan teknologi atau daya cipta, kesenian dan mentaliti masyarakat terhadap agama, ekonomi, politik, alam, masyarakat luar dan lain-lain.

1.1 Bidang Kajian

Penyelidikan ini adalah untuk meneliti tentang peranan semangat *bushido* dalam peradaban Jepun kontemporari. Perbincangan merangkumi latar perkembangan budaya hidup masyarakat Jepun sejak era pembaharuan Meiji sehingga kini. Tumpuan kajian adalah tentang pengaplikasian semangat *bushido* di kalangan masyarakat Jepun sehingga bangsa Jepun menjadi bangsa yang unik dan berkualiti dan dapat berfungsi sebagai penjana pembangunan negara yang begitu menakjubkan.

1.2 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengetahui tentang 'resepi' kejayaan bangsa Jepun di dalam membentuk peradaban Jepun yang begitu unik. Bangsa Jepun memiliki semangat *bushido* yang telah dipupuk sejak berabad-abad yang lampau. Oleh itu terdapat beberapa objektif kajian ini dilakukan. Di antara objektif tersebut ialah :

- a. Untuk mengkaji bagaimana semangat *bushido* dapat dipraktikkan di dalam membentuk nilai dalaman bangsa Jepun sehingga menjadi bangsa yang begitu berkualiti.
- b. Untuk melihat kepentingan semangat Bushido dalam menggerakkan pembangunan ekonomi terutamanya dalam perdagangan, perusahaan dan teknologi serta ketenteraan di Jepun sehingga menjadi idola negara-negara timur yang lain.

c. Untuk mengkaji tentang budaya, nilai dan norma bangsa Jepun kesan daripada pengaruh semangat *bushido* yang kemudiannya mempengaruhi artifak yang dihasilkan termasuk seni dan teknologi. Artifak tersebut telah banyak digunakan oleh masyarakat dari negara-negara lain di seluruh dunia termasuk Malaysia. Justeru itu, adalah perlu untuk kita memahami sumber yang menghasilkan artifak agar kita dapat menilai tentang baik buruknya sesuatu artifak yang digunakan.

d. Untuk menguatkan saling pemahaman (*mutual under standing*) dengan kebudayaan lain khususnya kebudayaan Jepun yang sering dijadikan '*role model*' oleh bangsa Melayu dalam pelbagai aspek terutamanya pengurusan perniagaan dan perusahaan. Justeru itu, pembinaan bangsa melalui asimilasi dan adaptasi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

e. Untuk memberi maklumat kepada generasi akan datang tentang kebudayaan dan peradaban bangsa lain agar mereka menjadi generasi yang berilmu dan peka terhadap perkembangan dunia yang semakin global ini.

1.3 Kepentingan Kajian

Sebenarnya kajian tentang budaya dan peradaban Jepun ini adalah amat penting untuk memperkaya budaya kita sendiri iaitu budaya Melayu. Hari ini kita begitu mengenali tentang budaya material Jepun yang dianggap berkualiti. Teknik dan pengurusan Jepun juga amat menarik minat golongan pentadbir serata dunia

terutamanya Malaysia iaitu melalui Dasar Pandang ke Timur. Justeru itu, dengan menilai budaya bangsa Jepun dapat menyedarkan kita tentang kelebihan dan kelemahan budaya kita sendiri. Selain itu, ia juga dapat memperkayakan budaya Melayu melalui pemupukkan nilai-nilai yang baik yang diambil daripada budaya Jepun.

Dengan adanya kajian seumpama ini juga, dapat memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap asas-asas kebudayaan, nilai dan norma bangsa Jepun di kalangan masyarakat Malaysia agar Dasar Pandang ke Timur yang diseru oleh pemimpin negara akan menjadi lebih bermakna dan dapat mencapai objektif yang telah digalurkan.

Pengkajian tentang peradaban adalah penting untuk merujuk semula ke arah akar umbi sesuatu bangsa. Dewasa ini, masyarakat dunia telah terjat di dalam perangkap modeniti yang secara langsung telah membawa masyarakat ke kaneh kemusnahan nilai dan budaya hidup meskipun telah mencapai tamadun yang tinggi dari segi penghasilan material. Justeru itu, diharapkan dengan adanya kajian yang seumpama ini dapat memberi kesedaran tentang asal-usul kewujudan bangsa dan boleh dijadikan sebagai satu landasan agar kita tidak terus tergelincir ke dalam arus modeniti.

Dengan pengkajian terhadap peradaban silam juga, dapat memberi pendedahan kepada kita sebagai generasi muda bahawa masyarakat yang sebenar-benarnya maju bukanlah dari bangsa yang mempraktikan artifak-artifak daripada tamadun barat sahaja tetapi adalah dari bangsa yang juga telah berjaya mengekalkan

nilai tradisi peradabannya sendiri. Bangsa Jepun adalah merupakan pengguna utama artifak dari tamadun barat tetapi kejayaan yang mereka perolehi adalah juga daripada pengamalan nilai tradisi yang unik daripada peradabannya sendiri iaitu bersumberkan semangat lama Jepun yang diwarisi secara tradisi.

1.4 Metodologi Kajian

Metodologi adalah kaedah ataupun cara yang digunakan untuk melakukan sesuatu penyelidikan atau kajian. Ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang sedang diteliti. Di dalam kajian tajuk ini, penulis telah menggunakan metod-metod berikut :

1.4.1. Metod Pengumpulan Data

Ia melibatkan segala usaha mengumpul dan mentafsir data-data yang terkumpul. Penulis menggunakan beberapa metod kajian untuk memperolehi maklumat yang tepat bagi penulisan. Metod kajian tersebut adalah seperti kajian perpustakaan (*library research*), kajian data dari internet dan kajian melalui temubual dengan responden yang arif tentang budaya masyarakat Jepun.

1.4.2. Kajian Perpustakaan

Penulis telah mengunjugi beberapa buah perpustakaan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur untuk mendapatkan data, maklumat serta lain-lain

dokumen seperti majalah, kertas kerja, akhbar dan lain-lain yang bersangkutan dengan tajuk ini. Berikut adalah perpustakaan yang telah dikunjungi iaitu :

- a. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya (UM)
- b. Perpustakaan Peringatan Za'aba, U.M
- c. Perpustakaan Majalah (Jurnal), U.M
- d. Perpustakaan Pengajian Melayu, U.M
- e. Japan Cultural Centre (JCC)
- f. Perpustakaan Negara Malaysia

Dalam kajian perpustakaan, penulis telah menggunakan metod historis dan dokumentasi. Metod historis digunakan bagi mendapatkan data-data yang bersifat sejarah, seperti maklumat yang berkaitan dengan latar belakang masyarakat Jepun serta perkembangan tamadun masyarakatnya sebelum era Meiji. Ia bertujuan untuk meninjau dengan lebih terperinci tentang pengaplikasian kod *bushido* di kalangan kelas pahlawan di Jepun. Data ini banyak dimuatkan di dalam bab pertama.

Metod dokumentasi pula terdiri daripada majalah seperti Dewan Masyarakat, kumpulan peraturan dan hukum, kumpulan cerita roman dan rakyat serta gambar-gambar. Ia bertujuan memberi definisi terhadap fakta-fakta yang diperlukan. Segala sumber maklumat adalah berupa formal dan dikumpulkan daripada sumber utama dan kedua.

1.4.3. Data Internet

Penulis juga mendapatkan maklumat- maklumat terkini yang berkaitan dengan tajuk melalui internet. Selain itu, penulis telah memilih beberapa keping gambar yang bersesuaian untuk dimuatkan di dalam disertasi ini. Ia bertujuan untuk membolehkan pembaca mendapat gambaran yang lebih jelas tentang kenyataan yang diberikan oleh penulis. Tambahan pula, tajuk disertasi ini juga menyentuh soal budaya masyarakat, justeru itu pastinya banyak rupa dan bentuk artifak yang dihasilkan oleh orang Jepun yang perlu dipaparkan.

1.4.4. Wawancara

Penulis telah mengadakan temubual dengan orang tertentu yang arif dengan budaya hidup orang Jepun. Dengan cara ini pengkaji akan mendapat gambaran yang lebih berkesan melalui konteks 'face to face'. Selain itu, pengkaji juga mendapat keterangan yang lebih mendalam mengenai aspek yang ingin dikaji kerana responden yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang sememangnya arif tentang budaya dan kehidupan masyarakat Jepun.

1.5 Penyataan Masalah

1.5.1. Skop Kajian Di Luar Budaya Penulis

Tajuk yang ingin dikaji oleh penulis adalah melibatkan peradaban yang begitu asing dengan penulis. Tambahan, penulis tidak pernah menjejakkan

kaki ke Jepun untuk melihat sendiri keadaan negara dan budaya masyarakat Jepun. Justeru itu, maklumat yang diperolehi perlu diperhalusi dengan lebih teliti untuk memastikan kesahihannya. Penulis terpaksa merujuk kepada beberapa orang responden yang arif tentang budaya dan masyarakat Jepun.

1.5.2. Masalah Untuk Mendapatkan Responden Yang Benar-Benar Arif Dengan Bidang Kajian

Sukar untuk mendapatkan responden yang benar-benar arif tentang budaya masyarakat Jepun kerana tidak ramai yang berminat untuk mengkaji dan mendalami tentang kebudayaan masyarakat Jepun. Jika ada sekalipun, kebanyakan daripada mereka tidak pernah mengunjungi negara Jepun dan hanya membuat kajian berdasarkan sumber tulisan oleh penulis Jepun yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu sahaja. Oleh itu, penulis terpaksa memilih responden yang benar-benar arif agar data dan maklumat yang diperolehi tidak terpesong daripada bidang kajian.

1.5.3. Bahan Bertulis Berhubung Dengan Tajuk Adalah Amat Kurang Dan Tidak Tersusun. (Kajian Terdahulu)

Bahan bertulis berhubung dengan budaya dan nilai masyarakat Jepun adalah amat berkurangan terutamanya bahan terjemahan di dalam bahasa Melayu. Selain dari itu, penulis juga terpaksa mengumpulkan data-data yang berselerak di dalam pelbagai bentuk bahan bacaan dan kemudiannya terpaksa

mengolah sendiri data dengan sebaik mungkin kerana data adalah tidak tersusun.

Disamping itu, setakat ini masih belum ada disertasi yang menyentuh tentang aspek semangat *bushido* di Jepun dihasilkan oleh pelajar sarjana di Universiti Malaya. Justeru itu, sebagai perintis kepada persoalan semangat *bushido*, maka penulis perlu memberikan perhatian yang lebih mendalam.

1.5.4. Masa Kajian Amat Terhad

Kajian dilakukan semasa semester khas. Justeru itu, masa kajian adalah amat terhad iaitu hanya dalam masa dua belas minggu sahaja. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk penulis mengkaji sedalam-dalamnya maklumat yang telah diperolehi.

1.6. Sistematika Penulisan Dan Organisasi Bab

Penulis membahagikan penulisan kepada tiga bahagian iaitu bahagian permulaan, bahagian teks dan bahagian akhir.

1.6.1. Bahagian Permulaan

Bahagian ini mengandungi halaman tajuk, halaman pengesahan, dedikasi, abstrak, penghargaan, daftar isi, senarai kepedekan dan senarai lampiran.

1.6.2. Bahagian Teks

a. Bahagian ini mengandungi bahagian pendahuluan. Ia adalah bertujuan untuk memudahkan pembaca mengetahui tentang pengenalan terhadap tajuk, bidang kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, pernyataan masalah, sistematika penulisan dan organisasi bab.

b. Bahagian seterusnya adalah merupakan bahagian yang diletakkan dalam pembahagian bab iaitu :

Bab satu berkenaan dengan mengenali sistem *bushido* secara keseluruhannya iaitu tentang definisi dan sumber *bushido*, pengaplikasiannya di dalam masyarakat Jepun sebelum era pemulihan Meiji iaitu ketika zaman Keshogunan Tokugawa.

Bab kedua merangkumi penerangan tentang peranan semangat bushido di era pemulihan Meiji dan kesannya terhadap pembaharuan negara Jepun ke arah pembentukan sebuah negara moden. Tumpuan kajian adalah terhadap pengukuhan militerisme di Jepun sebagai salah satu manifestasi dari semangat *bushido*.

Bab ketiga pula, penulis memberi penjelasan tentang pertumbuhan ekonomi di Jepun yang begitu menakjubkan adalah

merupakan kesan daripada pengaplikasian semangat *bushido* oleh masyarakat Jepun keseluruhannya. Tinjauan terperinci tentang bagaimana semangat *bushido* dapat diaplikasikan oleh masyarakat Jepun terutamanya dalam membangunkan ekonomi industri di Jepun.

Bab keempat merupakan bab yang menerangkan tentang kesan dari pengaplikasian bushido terhadap budaya Jepun moden iaitu dari aspek politik, ekonomi dan sosial.

Bab kelima merupakan bab penutup di dalam kajian penulis. Terkandung di dalamnya kesimpulan daripada kajian yang telah dilakukan oleh penulis.

1.6.3. Bahagian Akhir

Bahagian ini mengandungi bibliografi dan lampiran sebagai sumber rujukan oleh pembaca bagi mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci tentang maklumat-maklumat yang cuba disampaikan oleh penulis.

Secara keseluruhannya, daripada penerangan di atas dapat memberikan satu gambaran tentang latar belakang kajian yang dilakukan oleh penulis. Dengan itu, dapat mewujudkan pendedahan yang lebih luas dan menyeluruh kepada pembaca tentang hasil kajian yang telah dilaksanakan.

BAB SATU: MENGENALI SISTEM BUSHIDO

1.0. Pengenalan

Bushido adalah “teras” pembentuk sifat dan budaya bangsa Jepun hari ini. Resepi kejayaan Jepun sebagai sebuah negara timur yang maju, adalah juga dari sumbangan bangsanya yang sentiasa memiliki sifat yang positif. Sebelum meneliti secara terperinci tentang peranan semangat *bushido* dalam peradaban Jepun terutamanya pada zaman kontemporari, maka adalah perlu terlebih dahulu kita mengenali tentang sistem *bushido* itu sendiri iaitu tentang pengertiannya, sumbernya, rentetan sejarah kewujudannya dan juga prinsip-prinsip yang terbentuk dari pendidikan dan latihan seorang *bushi*.

Selain dari itu, *bushido* juga pernah dipraktikkan di zaman pertengahan pemerintahan Jepun iaitu pada zaman Keshogunan Tokugawa. Sejarah juga telah membuktikan bahawa era Keshogunan Tokugawa adalah merupakan suatu zaman yang telah berjaya membawa keagungan di dalam peradaban Jepun, meskipun Jepun ketika itu terasing dari dunia luar. Justeru itu, di dalam bab ini, penelitian yang lebih terperinci akan ditekankan berkenaan dengan kenyataan di atas.

1.1 Pengertian Bushido

Pengertian *bushido* secara semiotiknya ialah *Bushi* bermakna ‘tentera’ dan *Do* bermakna ‘peraturan’. Justeru itu secara keseluruhannya, *bushido* adalah merupakan satu peraturan ketenteraan. Menurut Dr. Inazo Nitobe:-

"Way of the warrior, a code of honor and social behavior; succeeded the unwritten code of the way of the bow and the horse"¹

Dr. Inazo Nitobe iaitu seorang pengkaji tentang hal ehwal kuno dan moden masyarakat Jepun, mentakrifkan *bushido* sebagai 'Bu-shi-do' iaitu 'kaedah kehulubalangan' atau 'kesateriaan'.² Ia merupakan petua kesateriaan bagi orang Jepun dimana setiap hulubalang dituntut untuk mematuhiinya dalam pekerjaan mereka mahupun dalam kehidupan seharian.

Furukawa Tesshi pula menjelaskan tentang 'orthodox Bushido' seperti yang terkandung dalam kitab samurai iaitu *Hagakure*. Menurutny:- "*Bushido to wa shinu kota ta mitsuketari*' (*Bushido consist in dying*)"³ Perkataan *shinu* bermaksud 'mati' ataupun menjadi 'bebas dari dosa dan kejahatan'. Dengan cara menghadapi kematian, seseorang itu akan lebih mudah untuk mencapai kebersihan jiwa. Sebenarnya semangat seumpama inilah yang telah ditanamkan di dalam setiap jiwa samurai.

Francis J. Horner iaitu seorang sarjana barat mengatakan bahawa "*bushido* adalah jiwa negara Jepun yang begitu unik."⁴ Bushido adalah satu semangat yang wujud di dalam jiwa setiap individu di Jepun, yang ditanam secara tidak langsung melalui proses sosialisasi masyarakatnya.

Nilai yang wujud di dalam *bushido* yang telah dipraktikkan oleh golongan bangsawan dan samurai pada zaman pertengahan Jepun telah membentuk sifat kesetiaan, kesediaan berkorban dan keikhlasan dalam melaksanakan tanggungjawab. Segala nilai ini telah diwarisi oleh orang Jepun dari satu generasi ke generasi seterusnya dan hanya orang

Jepun sahaja yang boleh menjiwai semangat dan nilai *bushido* ini. Sehubungan itu, *bushido* adalah suatu nilai yang tersembunyi di dalam diri orang Jepun sehingga melahirkan sebuah bangsa yang unik sifatnya.

Jean-Pierre Lehmann iaitu seorang penulis dari barat telah membuat kesimpulan tentang sikap orang Jepun iaitu : “mereka mempunyai sifat kelelakian yang luar biasa. Sifat ini pula dapat dinilai melalui interpretasi fizikal.”⁵ Menurutnya lagi: “sifat yang sebegitu rupa adalah berdasarkan kepada nilai yang terkandung di dalam *bushido* yang mana di dalamnya terkandung seni rahsia untuk membangunkan kekuatan fizikal dan mental (*Ju-jitsu*).” Seterusnya melalui nilai tersebut, akan membentuk kekuatan kepada semangat nasionalisme dan kecintaan orang Jepun terhadap negara mereka yang agak luar biasa berbanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

1.2. Sumber Bushido

Bushido ataupun kod kesateriaan yang menjadi intipati kepada pembentukan jiwa dan moral masyarakat Jepun adalah bersumberkan kepada gabungan dogma orang Jepun sendiri. Dengan kata lain, dogma yang dimaksudkan adalah merupakan ajaran atau kepercayaan yang tidak boleh dibantah atau dipersoalkan. Kepercayaan orang Jepun adalah berpusatkan kepada 3 doktrin yang paling utama iaitu Buddhisme, Shintoismee dan Confuciannism. Ketiga-tiga doktrin ini bersifat saling melengkapi dalam membentuk etika dan sosial (*social order*) sebagai aset di dalam pembentukan budaya dan negara Jepun. Seorang penulis Thai iaitu Pensri Kanchanomai menjelaskan bahawa :-

*"Buddhisme may be the flower and fruit of all principles of order, Confucianisme their branches and foliage, but Shinto is their root and trunk."*⁶

Interaksi antara agama yang diharmonikan ke dalam satu unit menjadi sumber dalam membentuk prinsip moral dan unsur-unsur budaya di dalam tamadun Jepun termasuklah prinsip *bushido*.

1.2.1. Buddhisme

Etika kelas kesateriaan atau *bushido* sebenarnya diasaskan adalah berdasarkan dari mazhab *Zen-Buddhisme*.⁷ Agama Buddha *Zen* ini diperkenalkan dari negeri China semasa Dinasti Sung. Era reformasi agama di kalangan rakyat Jepun bermula dengan cetusan idea-idea dari empat orang pemimpin, ahli pemikir dan juga ahli falsafah Buddha iaitu "*Honen*", "*Shinran*", "*Dogen*" dan "*Nichiren*". Keempat-empat pemimpin ini mengasaskan empat mazhab Buddha yang utama iaitu "*Jodo Shu*", "*Jodo Shinshu*", "*Zen*", dan "*Hokke*".⁸ Namun hanya mazhab "*Jodo Shinshu*" dan "*Zen*" sahaja yang berpengaruh kuat di Jepun sehingga ke hari ini.⁹ Mazhab "*Jodo Shinshu*" mempunyai pengikut yang ramai kerana ajarannya mudah dan berpengaruh dalam upacara keagamaan. Manakala mazhab "*Zen*" pula lebih digemari oleh golongan Samurai atau satria Jepun.

Menurut ajaran *Zen*, usaha manusia untuk mencapai sesuatu adalah dengan cara bermeditasi seperti bermenung dan bersemadi. Dengan cara ini, pengikutnya dapat menumpukan kepada pengawalan diri dan ia juga mementingkan soal disiplin diri serta menanamkan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Amalan ini

memerlukan pengikutnya memberi penumpuan fikiran dan emosi yang mendalam. Dan kemudiannya dapat memberi keyakinan terhadap prinsip yang menjadi asas kepada semua fenomena. Dengan erti kata lain, pengikut mazhab ini dikehendaki sentiasa menjaga tingkah laku mereka dalam pergaulan seharian dan seterusnya dapat membina kerukunan hidup bermasyarakat.

Selain dari itu, *Zen* Buddhisme juga mengetengahkan falsafah kematian iaitu golongan samurai khususnya diberi kefahaman yang mendalam tentang kematian. Perkara penting dalam falsafah ini ialah 'segala yang hidup akan mati'.¹⁰ Pengikut mazhab ini disarankan agar berani membuat keputusan dan berani bertindak serta berani melaksanakan pendirian yang telah dibuat tanpa berundur ke belakang. Justeru itu, mazhab *Zen* juga telah mengajar pengikutnya agar tidak menyesal dengan sebarang keputusan yang telah dibuat seandainya keputusan tersebut mendapatkan kesan negatif kepada mereka. Dari itu, dapatlah dikatakan bahawa segala yang terkandung di dalam ajaran *Zen* adalah amat bersesuaian dengan jiwa seorang samurai sebagai pahlawan yang berani dan tegas.

Etika keperwiraan di dalam *bushido* secara literalnya memberi gambaran kepada kita tentang keganasan, kekejaman dan kebuasan namun asimilasi Buddhisme dalam falsafah moral ini, juga telah berjaya melahirkan *bushido* yang bersifat rendah diri, bersederhana dalam tingkah laku tetapi kaya dengan kesungguhan dan semangat sebagai menyeimbangkan sifat-sifat ganas dalam diri samurai. Dari ajaran Mazhab *Jodo* (pure land Buddhisme) amat menekankan tentang '*love of human being*' iaitu mengajak penganutnya menanamkan sikap

baik hati dan memasang niat yang baik terhadap apa-apa perkara yang hendak dilakukan.¹¹ Menurut Inazo Nitobe :-

*"Buddhisme telah membawa sesuatu refleksi ke dalam jiwa orang Jepun dan membawa keyakinan yang tenang terhadap takdir iaitu tabah apabila menghadapi bahaya, sikap tawar terhadap hidup dan senang terhadap maut."*¹²

Oleh itu, seni spritual yang terdapat di dalam ajaran Buddhisme telah membantu golongan *Bushi* atau pahlawan dalam membentuk diri agar sentiasa taat dan patuh pada etika *bushido*. Intipati ajaran di dalam mazhab-mazhab Buddha terutamanya mazhab *Zen* menuntut penganutnya memiliki hati yang bersih dan tenang di dalam memperolehi ilmu dan ilmu yang diperolehi akan digunakan untuk mencapai tujuan keduniaan dan akan juga dapat mencapai kesejahteraan selepas mati. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui salah satu falsafah ajaran *Zen* iaitu :-

"Sesiapa yang dapat mencapai hakikat yang dicari maka akan membawa persepsi diri kepada perkara-perkara keduniaan serta akan menemui satu syurga dan satu dunia yang baru."

Jadi jelaslah bahawa, melalui falsafah dan pemikiran yang terkandung di dalam ajaran Buddhisme terutamanya mazhab *Zen*, telah menyumbang kepada pembentukan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam *bushido*. Dan seterusnya, ia bukan sahaja diamalkan dan dipraktikkan oleh golongan samurai tetapi juga oleh golongan masyarakat di Jepun umumnya sehingga membentuk satu budaya hidup yang begitu unik dan tersendiri di Jepun.

1.2.2 Shintoisme

Doktrin Shintoisme bukan sahaja menjadi pelengkap kepada ajaran Buddhisme, malah turut menjadi penyumbang kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam *bushido*. Shintoisme mengetengahkan tentang peraturan-peraturan seperti taat setia kepada kerajaan, ingatan yang penuh hormat terhadap nenek moyang, dan juga sikap taat setia terhadap ibubapa yang lebih istimewa daripada ajaran kepercayaan lain. Prinsip-prinsip seumpama itu telah memberi kelembutan terhadap sifat samurai yang kasar.

Selain itu, di dalam rukun Shinto, terdapat dua ciri utama dari aspek emosi bangsa Jepun iaitu patriotisme dan ketaatsetiaan. Oleh itu, secara tidak langsung, dapat merangka naluri nasional iaitu menjadikan *bushido* kuat dengan unsur-unsur kesetiaan dan ketaatan terhadap agama dan tanah air. Justeru itu, kelihatan *bushido* mengetengahkan prinsip kesetiaannya terhadap tuhan dan negara sebagai suatu yang wajib dilaksanakan. Kenyataan ini disokong oleh Arthur May Knapp di dalam penelitiannya tentang kesusasteraan Hebrew iaitu :-“sukar untuk mengetahui sama ada pengarang bercakap tentang tuhan ataupun tentang negara.”

Secara keseluruhannya, melalui gerak hati (*impulse*), ajaran Shinto akan diperolehi dengan lebih mendalam. Kebanyakan ajarannya bersifat pembentukan naluri dan ia penting di dalam *bushido* sebagai salah satu pemupukkan kepada semangat kecintaan terhadap agama dan negara serta kesanggupan untuk mempertahankannya

1.2.3 Confucianisme

Confucius juga telah mengetengahkan satu rukun pengajaran yang menjadi sumber kepada *bushido*. Lima hubungan moral yang dibawanya telah menjadi satu pengesahan terhadap jiwa bangsa Jepun iaitu antara tuan dengan hamba (pemerintah dan yang diperintah), antara ayah dan anak, antara suami dan isteri, antara abang dan adik, juga antara kawan-kawan. Ciri agama politiko-etiknya bersifat tenang, ramah dan bijaksana itu amat bersesuaian dengan fungsi golongan samurai yang cenderung untuk membentuk kelas pemerintah. Ini ditambah pula dengan coraknya yang bersifat aristokratik dan konservatif membolehkan ajaran ini senang diterima oleh para pemimpin hulubalang ini.

Ajaran Confucius juga lebih menggalakan pengikutnya menyembunyikan gejolak perasaan iaitu sama ada bersifat marah atau sedih agar tidak terpancar pada raut wajah. Umumnya mengikut ajaran ini, semakin kuat seseorang itu dapat menahan emosinya, maka semakin tinggi penghormatan yang akan diperolehinya.¹³ Lantas kerana inilah maka wujudnya pegangan yang mengatakan “jika orang Jepun menangis dan tangisannya dilihat oleh orang lain, maka itu adalah sesuatu yang amat memalukan bagi mereka”. Sebenarnya ciri-ciri sebegini amat sesuai diterapkan ke dalam jiwa samurai yang begitu memerlukan semangat yang berani, cekal dan sabar dalam mengharungi perjuangan mereka.

Hasil tulisan Mencius juga mempunyai pengaruh yang kuat dan berupaya membakar semangat kaum muda.¹⁴ Teorinya yang meyakinkan dan demokratik,

dianggap bahaya dan subersif kepada nilai masyarakat yang wujud ketika itu. Walaupun begitu idea pemikir Mencius ini sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan yang kekal dalam konsep *bushido* iaitu berjaya melahirkan samurai-samurai yang begitu menjiwai tanggungjawab dan menganggap ilmu pengetahuan sebagai bersifat dengan diri.

Berhubung dengan prinsip menimba pengetahuan, Mencius mengetengahkan falsafah bahawa:- “pengetahuan menjadi benar-benar pengetahuan hanya apabila ia diassimilasikan dalam pemikiran si pelajar dan terbayang dalam peribadinya.”

Dengan perkataan lain, pengetahuan yang diperolehi atau yang dicari haruslah dianggap sama dengan penerapan yang praktikal dalam hidup. Kenyataan ini disokong oleh seorang tokoh falsafah China iaitu Wan Yang Ming. Katanya ; “Mengetahui sesuatu dan melakukannya adalah perkara yang sama”.¹⁵

Ajaran Wan Yang Ming juga membawa doktrin tentang kesempurnaan kata hati (*infallibility of conscience*) ke tahap yang ekstrim iaitu fakta utamanya ialah daya persepsi untuk membezakan yang salah dan betul. Seterusnya membawa keyakinan yang kuat dan membina unsur individualiti dan sifat tenang dalam peribadi seseorang. Hakikatnya sesetengah bushi yang mulia adalah dari pengikut yang setia dengan ajaran yang disampaikan oleh Wang Yang Ming. Contohnya seorang bushi yang terkenal iaitu Miwa Shinssai mengatakan ;-

"Cahaya jiwa kita adalah jernih dan suci, secara spontannya ia muncul dalam pemikiran kita, menunjukkan kepada kita sama ada betul atau salah ; ia dinamakan kata hati (conscience)."

Pendapat di atas adalah sama dengan pendapat Isaac Penington iaitu seorang tokoh falsafah mistik barat.¹⁶ Sebagai rumusannya, prinsip-prinsip yang diterima dalam *bushido* hanyalah sebagai ajaran asas sahaja. Walaupun *bushido* wujud dari pelbagai kutipan ajaran yang serba tidak lengkap dan pelbagai namun kerana tuntutan keadaan dan zaman, menyebabkan pendokongnya membentuk suatu jenis etika moral yang bersifat unik. Menurut M De La Mazeliere iaitu seorang sarjana Perancis menjelaskan tentang pendapatannya terhadap sejarah kurun ke 16 iaitu :

"Pertengahan kurun ke 16, keseluruhannya adalah kekacauan di Jepun, baik pada kerajaan, masyarakat, mahupun institusi agamanya tetapi oleh kerana perang saudara, maka tingkah laku yang kasar dan menyebabkan masing-masing bertindak sendiri untuk menentukan keadilan untuk dirinya.... Tingkahlaku yang kasar pada zaman pertengahan menjadikan seseorang itu sebagai binatang yang amat agresif sama sekali."
17

Jelasnya, konsep *bushido* wujud adalah dari pelbagai adunan, walaupun begitu sumber-sumber dari agama dan kepercayaan ini hanyalah menyumbang ke arah asas pembentukan konsep ini. Sedangkan pemantapan konsep *bushido* sendiri adalah terjelma dari sifat peribadi manusia yang mendokonginya dan juga faktor alam sekeliling. Umpama kata Nietzsche :- "Di Asia, bila bercakap tentang kemanusiaannya, adalah juga bercakap tentang tanah datarnya". (Rujuk lampiran peta 1)

1.3 Feudalisme Dan Hubungannya Dengan Kelahiran Golongan Bushi Atau Samurai

Dari segi ketamadunan, Jepun sering menimba pengetahuan dari negara China sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial termasuk juga dari aspek budaya. Seni kepahlawanan di Jepun adalah hasil dari kemasukan seni mempertahankan diri dari China iaitu seni *Shaolin*. Pada zaman Yayoi hingga ke zaman Nara pula, Jepun telah diperkenalkan dengan penggunaan kuda sebagai kenderaan untuk berperang.

Rentetan daripada itu, muncullah golongan-golongan pahlawan. Walaupun begitu, kemunculan golongan ini adalah berdasarkan suatu perkembangan sejarah yang agak panjang dan dapat diperhatikan melalui kemunculan sistem feudal di Jepun. Sistem Feudal adalah merupakan sistem pemerintahan tuan tanah yang bersifat timbal balik di antara Shogun / Maharaja, Daimyo, Samurai dan petani. Bagi menjelaskan perkaitan diantara kemunculan kaum Bushi yang menjadi mengamalkan *bushido* dengan kewujudan feudalisme di Jepun, maka haruslah meneliti rentetan sejarah perkembangan feudalisme di Jepun terlebih dahulu yang berdasarkan dari sistem pentadbiran di Jepun sendiri.

1.3.1 Hirarki Dan Sistem Pentadbiran Kerajaan Di Jepun Secara Umum

Jepun mempunyai hirarki pentadbiran yang teratur. Di peringkat tertinggi, sistem pentadbiran adalah bercorak dualisme iaitu Maharaja adalah sebagai ketua kerajaan namun ianya hanyalah secara teori. Maharaja hanya diiktiraf sebagai ketua negara di dalam adat istiadat sahaja, sedangkan pentadbir negara secara

keseluruhannya adalah di tangan Shogun. Ketua Shogun merupakan golongan aristokrat dari suku yang terkuat dan paling rapat dengan Maharaja.

Gelaran ‘Shogun’ adalah gelaran yang diberikan oleh Maharaja kepada ketua tentera (diktator). Pertama kali digunakan adalah pada zaman Nara (710-194 masihi) dan kemudian muncullah pentadbiran oleh shogun iaitu seperti Keshogunan Kamakura (1192-1333), Keshogunan Ashikaga (1338-1573) dan Keshogunan Tokugawa (1603-1867). Setiap shogun ini mendakwa bahawa mereka adalah dari puak kesateriaan Minamoto.¹⁸


Hirarki seterusnya adalah Daimyo iaitu terdiri daripada tuan-tuan tanah yang kaya. Dari segi hirarki pentadbiran di Jepun, kedudukan Daimyo adalah di bawah Shogun. Daimyo memiliki tanah pertanian padi yang amat luas dan telah meletakkan sistem pentadbiran sendiri di kawasan mereka. Peter Duss menjelaskan bahawa :

“Daimyo, literally “great name”, was originally used to refer to holders of many rice fields (myo), in contrast to holders of few (‘shomyo’ or small names)”¹⁹

Samurai adalah golongan pahlawan yang juga mempunyai tanah. Tanah-tanah yang dimiliki oleh Daimyo telah diberikan kepada beberapa puak Samurai untuk ditadbir dan dikawal. Samurai mempunyai hak istimewa kerana boleh menggunakan pedang dan menjaga keamanan kawasannya. Menurut Peter Duss lagi :

"The word Samurai derives from the verb saburau, "to wait upon or serve a lord or sovereign," At first only warriors who had followers or retainer were referred to as samurai. It was not until the seventeenth and eighteenth centuries that the term became synonymous with 'warrior' in common usage. The more general term applied to members of the warrior class throughout premodern Japanese history was bushi, which meant simply a person whose main occupation was the military arts."²⁰

Gambar 1.0: Seorang Samurai di Zaman Keshogunan Tokugawa




Sumber

<http://www.northnet.org/americankangdukwon/samurai>

Petani adalah terdiri daripada golongan rakyat yang bekerja di tanah-tanah samurai. Sebenarnya terdapat juga para petani yang mengusahakan tanah milik kerajaan secara terus tanpa melalui pemilik Shoen yang berpengaruh, namun akibat bebanan cukai yang tinggi mengakibatkan kebanyakan petani telah menyerahkan tanah mereka kepada shoen tempatan. Kebanyakan petani di bawah Shoen tempatan akan terselamat kerana aristokrat Kyoto (Fujiwara) akan melindungi aristokrat tempatan (ryoke) daripada gangguan pegawai kerajaan. Keadaan ini akan menambah pengaruh Shoen di kawasan luar imperial dan akibatnya kerajaan imperial semakin hilang pengaruh. Hirarki pentadbiran di Jepun adalah seperti berikut:-

Rajah 1.0 : Hirarki Pentadbiran Di Jepun



Sumber: Dan Fenno Henderson, *Conciliation and Japanese Law: Tokugawa and Modern*, Vol. 2, University of Washington Press, Seattle, 1965, hlm. 81

(rajah oleh penulis berdasarkan penjelasan sumber di atas)

1.3.2 Sejarah Kemunculan Feudalisme Di Jepun

Selepas pembaharuan Taika, tanah di Jepun menjadi milik Maharaja dan puak-puak yang kuat seperti Omi, Muraji, Agatanushi telah kehilangan tanah mereka. Walaupun begitu, kemudiannya kerana faktor matawang yang tidak efisien, segala kurniaan dari maharaja kepada orang yang berjasa adalah dalam bentuk tanah. Akibat dari itu, pada zaman Heian telah wujud tanah-tanah persendirian yang banyak sekali dan dikenali sebagai Shoen. Tuan tanah pula dikenali sebagai *iden*, *shokuden* dan *shiden*. Sementara Manor (tuan tanah) pula diberikan tanah sebagai pencen. Menurut Seah Chee Meaw : “*meant simply a large rural estate enjoying financial and administrative privileges*”²¹

Kebanyakan pemilik Shoen adalah dari keturunan keluarga aristokrat Fujiwara. Pada teorinya tanah tersebut masih milik kerajaan tetapi pemilik tanah telah menjual beli tanah tersebut sebagai milik mereka sendiri kerana tanah Shoen adalah di luar kawalan kerajaan sama ada dari segi kewangan (cukai) ataupun pentadbiran. Shoen bebas cukai (*Fuyu*) sejak 951m dan pegawai kerajaan tidak boleh masuk ke dalam Shoen (*Funya*) sejak 1056m.²²

Kebanyakan wilayah pula dikawalan oleh Daimyo-Daimyo bebas (tuan tanah feudal) dan mempunyai sistem pentadbiran, percukaian dan ketenteraan sendiri. Dalam abad ke 17, terdapat 295 Daimyo di Jepun.²³. Dengan ini dapat diperhatikan bahawa kelas aristokrat yang rapat dengan maharaja telah memperolehi kuasa membangunkan ekonomi mereka melalui pengusahaan tanah-

tanah yang diberikan sebagai anugerah kepada mereka. Namun sistem pentadbiran tempatan pula menjadi lemah apabila gabenor wilayah (kokuji) tidak mampu mengawal undang-undang dan keamanan awam sehingga menyebabkan banduan-banduan yang terlepas dari tahanan menubuhkan kumpulan jenayah.


Kumpulan jenayah ini seterusnya telah mengancam tuan-tuan tanah yang terdiri daripada golongan aristokrat. Selain dari itu, masyarakat di Jepun terdiri daripada puak-puak yang berlainan suku keluarga. Suku keluarga yang berlainan ini kerap kali berperang dan memberi ancaman kepada tuan-tuan tanah.

Bagi melindungi ketenteraman awam, gabenor wilayah telah memberi kuasa persenjataan kepada tuan tanah. Dengan kuasa tersebut, tuan tanah mewujudkan pertalian dengan lapisan masyarakat yang lebih rendah dalam bentuk kontrak feodal pembesar-vassal.²⁴ Mereka menubuhkan tentera upahan atau persendirian untuk melindungi aktiviti ekonomi dan keselamatan di kawasan ladang mereka. Akibatnya golongan Pahlawan atau samurai bertambah penting di luar Kamakura. Samurai ini mempunyai kedudukan yang istimewa kerana boleh menjadi vasal kerana mereka juga memperolehi tanah daripada Daimyo dan berkuasa untuk mengutip cukai.

Jelasnya di sini, sistem feodal di Jepun adalah mirip kepada sistem Feodal di Eropah iaitu terdapatnya hubungan di antara Lord (tuan tanah) dan vassal. Di Jepun, hubungan bertimbal balik seperti yang dijelaskan tadi adalah bermaksud, Daimyo bertanggungjawab memberi kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Shogun, manakala Shogun pula akan memberikan perlindungan serta jaminan

keselamatan kepada Daimyo dan kawasan ladang mereka. Keadaan yang sama juga dilakukan oleh Samurai terhadap Daimyo. Sistem seumpama ini dikenali sebagai *Bakuhun* (Sistem pentadbiran tanah bercorak daerah). Berikut adalah rajah bagi menjelaskan tentang pertalian hubungan di antara shogun, daimyo, samurai dan petani :-


Rajah 1.1 : Pertalian Hubungan Di Antara Shogun, Daimyo, Samurai Dan Petani Di Dalam Sistem Feudal Di Jepun



Sumber: John Henry Wigmore, *Law and Justice in Tokugawa Japan*, Part 1, University of Tokyo Press, 1969, hlm. 19

(Lakaran rajah oleh penulis berdasarkan rujukan sumber di atas)

Rajah 1.2 : Sistem Pentadbiran Bakuhan



Pembahagian Kawasan Di Jepun

- Kawasan Samurai
- - - - - Kawasan Daimyo
- Kawasan Shogun & Maharaja

Sumber: Mikiso Hane, *Modern Japan : A Historical Survey*, Westview Press, London, 1986, hlm 23
 (Lakaran rajah oleh penulis berdasarkan rujukan sumber di atas)

Kesannya, melalui sistem ini telah melahirkan golongan hulubalang yang profesional. Di Jepun, hulubalang ini dikenali sebagai *bushi* atau samurai. Mereka adalah golongan yang gagah dan juga dari keturunan yang liar dan berani. *Bushi* atau samurai ini adalah dari pelbagai suku atau puak dan mereka sering berperang. Oleh itu untuk mendokong kehormatan dan tanggungjawab serta hak istimewa yang mereka perolehi sebagai tuan tanah dan tentera, maka mereka telah mewujudkan satu tatasusila yang umum dikenali sebagai *bushido*.

1.4 Bushido Sebagai Sistem Etika

Bushido yang menjadi pegangan orang Jepun adalah merupakan konsep yang amat mendaulatkan prinsip moral. Orang Jepun amat menghormati etika *bushido* sebagai satu kod moral yang begitu murni pada anggapan mereka. Nilai yang ditanam dalam *bushido* telah menjadi unit dan teras dominan kepada istilah 'etika' itu sendiri. Antaranya ialah keteguhan akhlak dan keadilan, kegagahan semangat berani dan sanggup menanggung derita, kemurahan hati, kesopanan, kesungguhan dan keikhlasan, kehormatan, kesetiaan dan lain-lain.

Ciri-ciri yang disebutkan di atas perlu ada dalam diri seorang *bushi* dan juga telah menyumbang kepada pembentukan prinsip moral yang membezakan orang Jepun dengan bangsa lain. Oleh kerana itulah, orang Jepun mampu menjiwai atau memikul tanggungjawab yang diberikan sekalipun terpaksa mengorbankan diri sendiri. Contohnya persoalan kematian bagi orang Jepun adalah suatu yang wujud dalam diri dan sebahagian daripada perjalanan dan kehidupan.²⁵ Justeru itu sistem etika *bushido* berjaya mengajar mereka tentang cara mengawal perasaan takut terhadap kematian dan pertimbangan ini

juga telah memberi ketenteraman kepada mereka dalam membuat keputusan tanpa rasa menyesal.

Sebahagian unsur dalam *bushido* adalah berdasarkan doktrin kepercayaan dari Shintoisme, Buddhisme dan Confucianisme yang menjadi intipati kepada tradisi etika di Jepun. Ia kelihatan dalam empat peraturan yang diketengahkan dalam kitab *Hagakure* (kitab samurai) iaitu:

- a. Kita tidak sepatutnya tunduk pada *bushido* yang lain
- b. Kita mestilah taat dan setia kepada ketua
- c. Kita mestilah patuh kepada ibu bapa
- d. Kita sepatutnya mempunyai perasaan pemaaf kepada orang lain dan berbuat baik pada mereka.

Sami Tennen iaitu sami yang ke-sebelas dari mazhab Zen Buddhisme telah membawa ajaran yang menyumbang ke arah pembentukan seorang bushi yang pemaaf dan berbuat baik. Menurut sami ini :- “seseorang itu perlu kuat beramal tetapi tanpa keberanian, dia tidak akan menjadi sami yang baik. Bagaimanapun jika dia tidak beramal dia mungkin gagal mematuhi tuntutan tugasnya.”²⁶

Dari kenyataan tadi dapatlah dikatakan bahawa wujudnya interaksi yang begitu akrab antara agama dan ajaran etika dalam *bushido*. Kedua-dua unsur ini telah sentiasa melengkapi dalam membentuk kod tradisi yang begitu kental ini. Bagi mengetahui dengan lebih terperinci bagaimana *bushido* itu boleh dipraktikkan dalam segenap kehidupan masyarakat Jepun, maka adalah perlu untuk melihat pendidikan dan latihan seorang

samurai. Ini adalah kerana, pendidikan dan latihan itulah yang menjadi punca utama ketahanan kod atau etika *bushido* ini.

1.4.1 Pendidikan Dan Latihan Seorang Samurai

Pendidikan adalah perkara utama di dalam pengajaran kesateriaan kerana ia boleh memupuk keperibadian seorang sateria atau samurai. Terdapat tiga falsafah yang mendukung falsafah *bushido* iaitu *Chi* (kebijaksanaan), *Jin* (Kemurahan hati), *Yu* (Keberanian). Di dalam pengajaran kesateriaan, keintelektualan yang tinggi amat dihargai. Lantas kerana itu, dengan menggunakan kebijaksanaan maka akan dapat meletakkan pengetahuan pada tempat yang lebih rendah. Justeru itu melalui pendidikan, akan dapat mendidik seorang itu agar berbudi halus dan tidak menunjuk-nunjuk kepandaianya.

Seorang samurai pada dasarnya amat cekap bertindak walaupun tidak menggunakan teknologi sains yang canggih. Ini adalah kerana, Samurai berpegang teguh kepada falsafah dan kesusasteraannya yang menjadi bahagian utama di dalam latihan intelektual. Mereka mengkaji kesusasteraan bukan untuk hiburan dan kemudiannya menjadikan falsafah sebagai suatu yang dipraktikan dalam kehidupan untuk membentuk keperibadian. Keadaan ini dapat membantu dalam mengukuhkan prinsip diri yang teguh dan keyakinan yang kuat terhadap kemampuan diri sendiri.

Di dalam pengajaran *bushido*, terdapat perkara pokok yang perlu ditekankan iaitu bermain pedang, ilmu memanah, *jiujutsu* atau *Yawara* ²⁷, ilmu menunggang kuda, taktik perang, dan penggunaan lembing. Pedang adalah

lambang kekuatan dan keberanian seorang samurai. Oleh itu, samurai perlu menuntut ilmu menggunakan pedang sejak dari kecil lagi. Anak-anak samurai yang baru berusia lima tahun telah dilengkapi dengan pakaian samurai dan menyelitkan pedang pada pinggang mereka. Mereka difahamkan bahawa memakai pedang adalah penting untuk menunjukkan pangkat.


Gambar 1.1 : Pakaian Lengkap Seorang Samurai



Sumber : Richard Storry and Werner Forman, *The Way of the Samurai*, Orbis Publishing Limited, London, 1978, hlm 51

Pedang menjadi senjata yang amat bernilai kepada seorang samurai. Pedang hanya dibuat oleh tukang yang mahir kerana pedang menjadi kebanggaan pemiliknya. Walaupun begitu, nyatanya *bushi* tidak menggunakan pedang dengan sewenang-wenangnya meskipun mereka mempunyai hak untuk membunuh dengan pedang tanpa ada perhitung semula.

Gambar 1.2 : Pedang Samurai



Sumber : Richard Storry and Werner Forman, *The Way of the Samurai*, Orbis Publishing Limited, London, 1978, hlm . 23

Sebenarnya proses menjadikan seseorang individu itu sebagai samurai tidak hanya berpaksi pada ilmu luaran sahaja tetapi pendidikan spiritual juga penting sebagai salah satu daripada intisari kekuatan. Ini bermakna setiap samurai perlu menguasai kesemua elemen di atas agar dapat menjadi seorang samurai yang gagah dan dihormati.

Sesuatu yang menarik dalam ajaran ini ialah kaedah matematik tidak ditekankan, walaupun sebenarnya kaedah tersebut amat penting dalam bidang

pendidikan ketenteraan. Ini adalah kerana, hakikat di dalam peperangan pada zaman feudal adalah tidak diatur dengan ketepatan yang saintifik. Walaupun begitu, sistem angka turut digunakan terutama di dalam menghimpunkan tentera, memberi derma dan di dalam pembahagian tanah.

Setiap bushi atau samurai menyedari bahawa wang adalah kekuatan di dalam peperangan tetapi mereka tidak berniat untuk meningkatkan penghargaan terhadap wang. Oleh itu, urusan kewangan dianggap sesuatu yang kotor dan ia sering diuruskan oleh samurai yang bertaraf rendah. Pada golongan samurai, soal keuntungan adalah tidak penting di dalam ilmu kepahlawanan kerana mereka amat membanggakan diri dengan kemiskinan. Umpama kata Ventidius, seorang sarjana Barat :-

"Dalam budi pekerti tentera, cita-cita mereka adalah lebih mementingkan kerugian daripada keuntungan yang akan membinasakan"²⁸. Katanya lagi :- Seorang pahlawan yang bernama Don Quixote, lebih berbangga dengan lembing-lembangnya yang berkarat dan kuda-kudanya yang kurus daripada emas dan tanah".

Dari kenyataan itu, nyatalah bahawa bagi seorang samurai, wang atau kekayaan adalah penghalang utama kepada kebijaksanaan atau *chi*. Ini adalah kerana, dengan memikirkan keuntungan maka seorang samurai itu akan takut untuk mati dan kemudiannya pasti tidak dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan jujur dan bersungguh-sungguh. Justeru itu, akan mengoncah prinsip utama mereka iaitu berani.

Oleh yang demikian, dengan tidak memikirkan keuntungan, maka seorang samurai akan dapat mencapai keberanian, kebijaksanaan dan kemurahan hati. Berdasarkan hakikat itu, maka anak-anak samurai diasuh untuk berjimat cermat dalam urusan kebendaan. Dan nilai tentang matawang tidak diajar langsung sehinggakan jika anak-anak tersebut bercakap tentang wang maka ia dianggap sebagai sikap yang amat buruk.

Bushido menekankan sifat berjimat cermat kerana kemewahan adalah ancaman bagi kekelakuan seorang samurai. Bagi pendidikan kesateriaan, wang dianggap sesuatu yang rendah statusnya jika dibandingkan dengan urusan moral dan keintelektualan. Oleh itu, cara hidup bersederhana adalah amat penting untuk melahirkan sifat yang jujur.

Selain dari itu, pendidikan samurai adalah melalui pentafsiran sastera dan perbincangan tentang obligasi moral sahaja. Ini adalah kerana tujuan utama pendidikan adalah untuk membentuk keperibadian semata-mata dan bukannya kecerdasan otak. Ini bermaksud, elemen utama yang ditekankan ialah di bahagian jiwa dan bukannya di bahagian otak seorang samurai. Oleh itu, tidak perlu menghimpun pelbagai maklumat tentang dunia dan perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan pembentukan watak.

Samurai memberi penghormatan yang tinggi kepada guru berdasarkan kepada kalimat :- "Ibubapa yang melahirkan saya dan guru yang menjadikan saya seorang manusia" . Oleh itu, sesiapa yang mampu menimbulkan keyakinan yang kuat terhadap idea tadi maka akan dapat membentuk penghormatan yang tinggi

terhadap guru. Dan secara tidak langsung, akan dapat membuktikan bahawa beliau telah mempunyai keperibadian yang paling ulung dalam mempelajari ilmu samurai.

Seorang guru yang mendidik dan melatih seorang samurai, biasanya tidak akan dibayar bagi perkhidmatan yang diberikan. Ini adalah kerana, dalam kepercayaan *bushido* :- “perkhidmatan yang baik, hanya boleh diberi tanpa wang dan harga”. Disamping itu, Bushido juga menganggap, seorang guru tidak perlu menerima bayaran bukan kerana perkhidmatan yang diberikan itu tidak bernilai tetapi kerana perkhidmatan itu tidak dapat dihitungkan nilainya. Ini adalah kerana, segala upah atau gaji, hanya dibayar untuk kerja-kerja yang pasti, nyata dan boleh diukur.

Namun terdapat juga adat supaya murid membawakan hadiah kepada gurunya tetapi bukan untuk pembayaran tetapi sebagai satu pemberian. Seorang guru yang benar-benar mulia adalah guru yang amat membanggakan kemiskinan. Oleh itu, dengan menerima pemberian dari anak muridnya, maka guru tersebut akan merasa dirinya miskin. Dalam Bushido, seseorang yang berjaya menanggung kemiskinan dan kesengsaraan adalah bukti bahawa mereka memiliki semangat yang tinggi dan jiwa yang kukuh. Dengan perkataan lain, segala pemberian untuk guru adalah sebagai satu cara untuk membuatkan guru itu lebih dihormati. Dan guru adalah merupakan penjelmaan matlamat bagi kesemua pembelajaran.

Pembentukan diri sebagai seorang samurai memerlukan pelbagai bentuk latihan yang diperolehi bukan sahaja melalui kaedah pembinaan fizikal tetapi juga keutuhan dari aspek jasmani. Latihan dan pendidikan yang sempurna akan

melahirkan seorang samurai yang gagah dan disegani kerana di dalam dirinya kaya dengan prinsip-prinsip *bushido*. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa seorang samurai yang benar-benar tulen adalah mereka yang telah mampu memperolehi dan memperlengkapkan dirinya dengan prinsip-prinsip *bushido*.

1.4.2 Prinsip Bushido

a. Keteguhan Akhlak dan Keadilan

Keteguhan akhlak bermakna keputusan untuk mengambil sesuatu langkah berdasarkan kepada akal yang tegas iaitu sanggup menghadapi maut apabila maut patut dihadapi. Orang yang kuat peribadi dan teguh moralnya dipanggil *Gishi*. *Giri* pula adalah nilai yang berkait dengan keteguhan akhlak. *Giri* secara literal bermaksud “Akal yang betul” (*Right Reason*). Oleh itu *Giri* bermaksud kewajipan dalam pengertian yang mutlak iaitu kewajipan menghormati ibubapa adalah diperintah oleh “Akal yang betul”. Dengan kata lain, *Giri* adalah hasil dari kaedah masyarakat yang artifisial (Masyarakat mengikut keturunan).

b. Kegagahan, Semangat Berani dan Sedia Menanggung Derita

Latihan bagi seorang samurai adalah berbentuk disiplin ketabahan hati iaitu untuk melahirkan sikap tenang. Latihan ini dikenali sebagai latihan pengawalan diri. Kacadahnya adalah dengan memupuk daya menderita tanpa mengerang dan mendidik supaya tidak mengganggu

ketenteraman orang lain dengan mencurahkan perasaan sedih dan sakit. Anak-anak Jepun diasuh supaya tidak menangis untuk melepaskan perasaan dan kesannya akan mewujudkan individu yang sentiasa tenang dan tabah.

Pengawalan diri bukan sahaja termasuk pengawalan perasaan tegang tetapi juga pengawalan perasaan kasih dan sayang. Menurut Witty :-

"suami bangsa Amerika mencium isterinya di hadapan orang dan memukulnya di rumah, tetapi suami bangsa Jepun memukul isterinya di hadapan orang tetapi menciumnya di rumah."

Kenyataan tadi membuktikan bahawa bagi seorang samurai, kemampuan di dalam mengawal emosi akan dapat memberi kehormatan terhadap dirinya. Seorang samurai akan ketawa apabila sifat manusia mereka diuji dengan keras. Kemuncak bagi disiplin pengawalan diri adalah di dalam adat *hara-kiri*.²⁹

Bagi seorang Bushi, kematian natural adalah perkara yang kecil dan terlalu biasa, justeru itu adat *hara-kiri* telah diberi satu pengiktirafan untuk melahirkan suatu penghormatan. Garth mengatakan :-"Apabila kehormatan telah hilang maka adalah lega bagi seseorang itu mati. Dan kematian adalah satu unduran dari kehinaan."

Walaupun begitu, mengejar maut tanpa sebab adalah dianggap sebagai pengecut. Menurut pengajaran *bushido* :-" menghadapi segala malapetaka dengan sabar dan dengan kata hati yang suci adalah seorang

samurai yang mulia”. Sebuah artikel oleh Sir Thomas Brawne di dalam Religion Media mencatatkan bahawa :-

“Memandang rendah kepada kematian adalah satu tindakan yang berani tetapi apabila hidup menjadi lebih dashyat daripada mati, maka kesanggupan untuk terus hidup adalah keberanian yang sebenar.”

Jadi jelaslah bahawa kegagahan, kekuatan dan keberanian adalah kualiti jiwa yang paling menarik dan ia dipupuk sejak dari kecil.

c. Kemurahan Hati dan kesopanan

Kemurahan hati, simpati dan kasih sayang adalah budi pekerti yang ulung dan tertinggi diantara sifat jiwa manusia. Confucius dan Mencius mengatakan :- “Kemurahan hati adalah syarat wajib bagi seorang pemerintah”. Contohnya zaman feudalisme, ideal kemurahan hati menyelamatkan orang Jepun dari kezaliman kerana penyerahan rakyat kepada pemerintah akan membolehkan kezaliman berlaku jika tidak ada ideal kemurahan hati.

Kemurahan hati dikaitkan dengan zaman feudalisme kerana dikatakan raja Jepun terlalu zalim. Sebenarnya di Jepun pemerintahan adalah bersifat paternal iaitu kebapaan dan bukannya zalim. Rakyat mentaati raja kerana menganggap raja sebagai bapa kepada mereka dan

dengan rela menjadi hambanya. Jika zalim, apabila rakyat dipaksa untuk tunduk pada raja.

Kemurahan hati adalah pekerti yang lembut dan bersifat keibuan dan ia amat ditekankan untuk menyeimbangkan sifat tegas dan keteguhan moral. Namun kemurahan hati yang melulu akan membawa kelemahan dan ketegasan yang melampau akan membawa kekakuan. Istilah *Bushi no nasake* sesuai dengan kalimat : yang paling berani itu adalah yang paling lembut dan yang paling mengasihi itu adalah yang paling berani. Ini bermakna belas kasihan bagi hulubalang sebenar adalah tidak melulu dan sentiasa berpandukan keadilan.

Bagi samurai, bermurah hati kepada orang yang lemah, tertindas adalah amat disanjung tinggi. Ciri-ciri kelembutan dan kemurahan hati sentiasa menghiasai kegagahan seorang samurai kerana ia dapat meredakan semangat yang panas. Oleh itu untuk mengasuh emosi halus, samurai dituntut mempelajari sajak-sajak. Contoh karya terkenal yang dihasilkan oleh seorang samurai berjudul *farewell to life* iaitu ketika cedera di medan perang. Jadi perasan yang halus membawa perasaan rendah hati yang menimbulkan rasa hormat terhadap perasaan orang lain dan menjadi punca kesopanan.

Kesopanan adalah satu manifestasi timbang rasa terhadap perasaan orang lain. Kesopanan boleh ditunjukkan dengan tidak berlagak, tidak

bongkak, tidak mementingkan diri sendiri, mempunyai daya kesabaran yang kuat dan sebagainya. Nilai ini juga perlu wujud di dalam diri samurai.

d. Kesungguhan dan Keikhlasan

Seorang *bushi* percaya, kedudukan mereka yang tinggi memerlukan taraf kesungguhan dan ketulusan hati yang jauh lebih tinggi daripada saudagar dan petani. Iaitu *Bushi no ichi-gon*. Ia dikaitkan dengan konsep janji iaitu setiap janji yang dituliskan adalah amat memalukan bagi seorang samurai kerana bagi samurai setiap janji mesti ditunaikan dan akan menebus dosa dengan maut bagi kesalahan *nigon* (berjanji palsu). Manakala, sumpah pula menjatuhkan kemuliaan dan kerana itu mereka memegang teguh pada janji. Berbohong adalah sebagai satu kelemahan dan juga menjadi perkara yang tidak mulia. Kejujuran adalah konsep yang halus dan ia disamakan dengan kehormatan.

e. Kehormatan

Kehormatan adalah satu kesedaran tentang maruah dan harga diri. Ia menjadi ciri utama bagi samurai agar menghargai tugas dan hak istimewa mereka. Idea kehormatan disampaikan melalui istilah seperti *na* (nama), *men-moku* (air muka) dan *guai-bun* (pendengaran).³⁰ Nama yang baik adalah bahagian peribadi yang dianggap kekal dan pencemaran kepada nama adalah sesuatu yang memalukan (*Ren-chi-shin*). Perasaan malu yang amat kuat telah menjadi sebatian dengan golongan samurai. Oleh itu, seorang

Samurai yang tidak mampu untuk melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya, rela menebus maruahnyanya dengan kematian yang amat pedih daripada menanggung malu yang amat sangat.

f. Kewajiban Bertaatsetia

Dalam kesateriaan, kesetiaan adalah tuntutan yang amat penting. Menurut kata Griffis di dalam *Religions of Japan*, menjelaskan bahawa masyarakat Jepun memberi keutamaan kepada kesetiaan kepada tuannya. Namun kesetiaan yang ditunjukkan perlulah bersifat jujur dan ikhlas. Seorang *bushi* sanggup mengorbankan jiwa dan raganya demi tuannya. Walaupun begitu, seorang *bushi* yang mengorbankan suara hatinya yang benar demi menurut perintah tuannya akan diberikan tempat yang paling rendah dalam hitungan ajaran *bushido*. Seorang *bushi* yang setia akan berusaha menuntut kebijaksanaan tuannya dengan menunjukkan keikhlasan hatinya dengan cara menumpahkan darahnya sendiri.

Dengan kata lain, seandainya tindakan seorang ketua itu salah, maka adalah menjadi tanggungjawab *bushi* untuk merayu kepada ketuanya supaya memperbetulkannya. Jika usahanya gagal, maka seorang *bushi* itu akan rela menerima hukuman dari ketuanya. Melalui kesetiaan itu, maka akan dapat mencapai kehormatan.

1.5 Manifestasi Bushido Dalam Kecemerlangan Pentadbiran Keshogunan Tokugawa

Zaman pentadbiran Keshogunan Tokugawa adalah merupakan kerajaan ketenteraan yang pertama dan terlama di dalam sejarah negara Jepun iaitu selama 260 tahun. Ieyasu adalah pemimpin utama Keshogunan Tokugawa. Beliau berasal dari keluarga pahlawan iaitu Minamoto yang kaya dengan etika kepahlawanannya.³¹ Justeru itu, setiap tindakan di dalam pentadbirannya adalah berlandaskan kepada prinsip kepahlawanan yang dipegang olehnya dan era pentadbiran Keshogunan Tokugawa adalah berlandaskan kepada pengamalan *bushido* di dalam jiwa setiap insan di Jepun.

Ieyasu dan anaknya Hidetada telah bekerjasama untuk mengawasi kerajaan. Bagi mereka, kepentingan negara Jepun adalah sama pentingnya dengan keluarga mereka iaitu tujuan utamanya adalah untuk menjadikan Jepun sebagai sebuah negara bercorak ketenteraan. Memandangkan Ieyasu adalah dari keluarga pahlawan, maka beliau telah menerapkan segala ciri kepahlawanannya ke dalam pentadbiran sehingga menjadi ikutan seluruh rakyat Jepun. Ieyasu yang mempunyai kecekalan dan ketabahan yang luar biasa telah mengadakan pelbagai perubahan dan pembaharuan untuk kecemerlangan Jepun.

Dari segi politik, struktur pemerintahan bertunjangkan feudalisme dan ia dapat menjamin penerusan Keshogunan. Pemimpin Tokugawa seperti Ieyasu, Hidetada dan Iemitsu telah mengambil langkah yang efektif untuk mengukuhkan Keshogunan. Menurut Ainsle T. Embree : “By the end of the reign of Iemitsu (1623-1651) the third shogun, all the basis institution and policies of Takogawa administration were in place.”³²

Pada 1615, *Buke sho Hatto* (Kod panduan tata tertib dan kelakuan Buke atau hemah tentera) diperkenalkan.³³ Tujuan pembentuk kod tersebut adalah untuk membentuk satu kawalan politik melalui sistem *Sankin Kotai*³⁴ untuk mengelakkan pemberontakan. Selain itu, rakyat disediakan dengan peraturan yang rumit yang wajib dipatuhi dalam kehidupan seharian seperti pakaian, rumah, dasar hubungan dalam masyarakat dan sebagainya. Penguatkuasaan fahaman kuno seumpama itu adalah bertujuan untuk memelihara kuasa tetap Keshogunan Tokugawa dalam satu masyarakat yang berhirarki dan dikendalikan oleh golongan pahlawan.

Institusi kemaharajaan pula diwujudkan sebagai satu institusi ketuhanan yang dipandang tinggi di Jepun. Oleh itu, ia berfungsi sebagai alat perpaduan rakyat. Walaupun begitu, ordinan *kinchu Narabini kugeshu shahatto* (peraturan Istana) telah dikeluarkan bagi mengawal pergerakan keluarga maharaja.³⁵ Justeru itu kelihatan, untuk kali pertamanya, Jepun telah diperintah oleh *central authority*. Ini bermakna sistem monarki beransur lenyap disebabkan oleh *supreme feudal overlord*.

Pada tahun 1639, dasar tutup pintu (*sakuko*) Jepun dilaksanakan. Tumpuan terhadap pembangunan ekonomi hanyalah di dalam negara sahaja. Di bidang pertanian, pelbagai teknologi baru dicipta dan dipraktikkan. Matawang emas, perak dan tembaga mula digunakan dan pada abad ke 17, telah didirikan kilang mencetak logam iaitu *kinza*, *ginza* dan *zeniza*. Hasil pengeluaran pertanian kian meningkat berlandaskan kepada kepatuhan dan pengawalan di bawah sistem feudal. Jelasnya, ekonomi Jepun kian mendadak walaupun tanpa pergantungan dengan negara luar.

Secara keseluruhannya kelihatan bahawa Keshogunan Tokugawa telah memperolehi kejayaan di dalam pembentukan sistem pentadbirannya yang tersendiri dan jelas. Negara Jepun stabil dari segi ekonomi, politik dan sosial. Segala kejayaan tersebut adalah berpunca dari satu sistem etika dan moral iaitu kod *bushido* yang menjadi pegangan pemimpinnya dan juga golongan dari kelas samurai yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara Jepun. Dasar pemencilan Jepun ketika era Keshogunan telah menjadi faktor utama berkembangnya budaya bangsa Jepun berlandaskan kepada sifat bangsanya yang tersendiri dan nilai tradisinya yang asli.

Hiroshi Minami menjelaskan bahawa “bangsa yang kurang bercampur dengan bangsa lain akan menjadi lebih bersopan dan dapat memperkukuhkan aspek jati dirinya.” Melalui kenyataan tersebut, dapatlah dikatakan bahawa keutuhan semangat *bushido* yang masih kekal sehingga ke hari ini adalah kerana penerapannya yang begitu mendalam pada Zaman Keshogunan Tokugawa. Dengan perkataan lain, dasar tutup pintu oleh Jepun telah dapat menyumbang ke arah pembentukan kod *bushido* yang benar-benar berlandaskan kepada nilai tradisi Jepun, walaupun sebahagiannya adalah hasil dari adaptasi dari kebudayaan China namun bangsa Jepun telah menjadikannya sebagai hak milik tulen bangsa Jepun sendiri.

Disamping itu, corak pentadbiran shogun Tokugawa juga telah memberi ruang kepada pengamalan sepenuhnya kod *bushido* oleh golongan kelas samurai yang diletakkan sebagai kelas yang mempunyai kedudukan yang tinggi dari segi hirarki sosial. Golongan samurai adalah golongan yang amat dihormati dan disanjung tinggi oleh bangsa Jepun. Oleh yang demikian, secara tidak langsung, kod etika yang menjadi pegangan mereka telah

turut mendapat perhatian dan sanjungan daripada bangsa Jepun yang lain sebagai hak milik istimewa kelas samurai.

Ieyasu sendiri telah mempraktikkan kod etika kepahlawanan tersebut dan sifat kesabaran dan kesungguhan dalam diri Ieyasu telah membolehkannya melaksanakan pentadbiran negara dengan begitu baik dan rapi. Menurut Ieyasu :- “Jikalau keturunanku bercita-cita hendak menjadi seperti aku... mereka mesti mempelajari kesabaranku.”³⁶

Sifat kewajipan bertaatsetia dalam diri samurai pula telah membolehkan mereka memiliki semangat patriotik dan nasionalisme yang tinggi terhadap bangsa dan negara sehingga sanggup mengorbankan jiwa dan raga untuk negara Jepun dan pentadbir Jepun. Sifat sebegitu murni yang telah ditunjukkan oleh golongan Samurai telah memberi satu tauladan yang baik kepada seluruh bangsa Jepun. Apa yang dapat diperhatikan oleh bangsa Jepun terhadap samurai adalah, untuk mendapat kedudukan yang istimewa dan perhatian yang begitu tinggi dari pelbagai pihak, maka mereka perlu mengamalkan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam kod *bushido* kerana *bushido* adalah kod etika dan kod moral yang begitu luhur dan paling baik untuk bangsa Jepun.

Jelasnya kini, semasa zaman Keshogunan Tokugawa, meskipun kod *bushido* hanya diamalkan oleh kelas samurai tetapi ia telah mendapat pengiktirafan yang baik daripada seluruh bangsa Jepun cuma ia tidak dapat dipraktikkan oleh seluruh bangsa Jepun akibat daripada peraturan kelas yang telah ditetapkan oleh pentadbiran bercorak *bakufu*. Justeru itu, apabila sistem sosial bercorak kelas dihapuskan oleh pentadbir Meiji, maka bangsa Jepun sudah tidak mempunyai sebarang halangan untuk mempraktikkan prinsip-prinsip *bushido*. Tambahan pula, golongan samurai telah hilang keistimewaan dan telah menjadi

setaraf dengan rakyat Jepun yang lain dan mulai menceburi ekonomi industri serta pertanian. Oleh yang demikian, prinsip *bushido* bukan sahaja telah dipraktikan oleh golongan yang dulunya dari kelas samurai, malahan juga telah dipraktikan oleh masyarakat Jepun yang lain sama ada dalam kehidupan seharian mahupun dalam etika kerja mereka. Keadaan ini telah menyumbang ke arah kesinambungan pengamalan kod *bushido* di Jepun sehingga kini.

1.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, *bushido* bukanlah suatu hasil ciptaan individu tetapi ia lebih merupakan satu kod yang terhasil akibat daripada perkembangan terminologi kehidupan militer yang berabad-abad lamanya. Kod ini tidak ditulis ataupun diucapkan tetapi ia menjadi satu pengamalan yang begitu sehati di dalam kehidupan masyarakat Jepun. Dua perkara yang perlu diperhatikan iaitu oleh kerana pentadbiran shogun Tokugawa melaksanakan dasar keterasingan Jepun dari dunia luar maka, kod *bushido* telah dapat di susun rapi berdasarkan jati diri bangsa Jepun sendiri. Selain dari itu, pentadbiran shogun berteraskan feudalisme dan melaksanakan pentadbiran bercorak *bakufu* telah menjadi penabung kepada kod *bushido* untuk terus subur di dalam budaya hidup bangsa Jepun.

Nota hujung

-
- ¹ <http://www.northnet.org/american/kangdukwon/samurai.html>
- ² Inazo Nitobe, *Bushido : Jiwa Negara Jepun*, (terj) Wong Seng Tong, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 3
- ³ Furukawa Tesshi, The Individual in Japanese Ethics, dlm *The Japanese Mind*, edited by Charles A Moore, Charles E. Tuttle Company, 1978, hlm. 228
- ⁴ Francis J. Horner, *A Case History of Japan*, London Sheed & Ward, 1948, hlm. 191
- ⁵ Jean-Pierre Lehmann, *The Image of Japan: from Feudal Isolation to World Power 1850-1905*, George Allen & Unwin Ltd, 1978, hlm. 175
- ⁶ Pensri Kanchanomai, The Perceptions of Japanese Modernization, dlm *Religion and Japanese Modernization*, Kyoto University Center for Southeast Asian Studies in Association with Falcon Press Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hlm. 36-37
- ⁷ Yutaka Tazawa, Saburo Matsubara, Shunsuke Okuda dan Yasunori Nagahata, *Sejarah Kebudayaan Jepun: Satu Perspektif*, (terj) Prof. Madya Dr. M. Rajendran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jepun, 1987, hlm. 6
- ⁸ Agency Cultural Affairs, *Japanese Religion*, Kodansha International Ltd., Tokyo, 1972, hlm 18
- ⁹ Paul Thomas, *The Asians: Their Revolving Heritage*, Harper Collins, New York, 1984, hlm. 279
- ¹⁰ Murukami Hyoe dan Edward G. Seidenticker, *Guides to Japanese Culture*, Japan Culture Institute, Tokyo, 1977, hlm. 49
- ¹¹ Nakamura Hajime, *A History of the Development of Japanese Thought*, vol 2, Kokusai Bunka Shinkokai, 1969, hlm. 124
- ¹² Inazo Nitobe, Op. Cit., hlm 7
- ¹³ Kishimoto Hideo, *Some Japanese Cultural Traits and Religions*, E. Tuttle Company, 1978, hlm. 118
- ¹⁴ Mencius adalah pengikut Confucius yang paling taat.
- ¹⁵ Op. Cit., hlm 12
- ¹⁶ Ibid, hlm 13
- ¹⁷ Ibid, hlm 14
- ¹⁸ Dorothy Perkins, *Encyclopedia of Japan: Japanese History and Culture from Abacus to Zori*, Roundtable Press Book, New York, 1991, hlm. 315
- ¹⁹ Peter Duss, *Federalism in Japan*, Stanford University, New York, 1933, hlm. 73
- ²⁰ Ibid., hlm. 47
- ²¹ Seah Chee Meow, *The Japanese Mind: an Interpretation*, Department of Japanese Studies, National University of Singapore, Singapore, 1989, hlm. 53
- ²² Joseph K. Yamagiwa, *The Okagami: A Japanese Historical Tale*, Charles E. Tuttle Co., Tokyo, 1966, hlm. 86
- ²³ Mikiso Hane, *Modern Japan : A Historical Survey*, Westview Press, London, 1986, hlm. 23
- ²⁴ Yutaka Tazawa, Saburo Matsubara, Shunsuke Okuda dan Yasunori Nagahata, Op. Cit., hlm. 1
- ²⁵ Fleur Woss, When Blossoms Fall Japanese Attitudes Towards Death And The Otherworld, dlm; *Ideology and Practice in Modern Japan*, edited by Roger Goodman & Kirsten Refsing, London, New York, 1992, hlm. 74
- ²⁶ Furukawa Tesshi, The Individual in Japanese Ethics, dlm; *The Japanese Mind*, edited by Charles A. Moore, Charles E. Tuttle Company, 1978, hlm. 242
- ²⁷ *Jiu-jutsu* adalah penggunaan pengetahuan di dalam bidang anatomi untuk tujuan menyerang musuh atau mempertahankan diri. Tujuannya bukan untuk membunuh musuh tetapi menghilangkan daya tindakannya untuk sementara waktu.
- ²⁸ Inazo Nitobe, Op. Cit., hlm. 62-64
- ²⁹ *Hara-kiri* adalah adat mengorbankan diri dengan merentas perut. Ia merupakan satu kematian yang paling mulia bagi orang Jepun. Orang Jepun memilih bahagian perut untuk direntas kerana mereka menganggap bahawa jiwa manusia terletak di bahagian perut.
- ³⁰ Inazo Nitobe, Op. Cit., hlm. 47
- ³¹ Dorothy Perkins, *Encyclopedia of Japan: Japanese History and culture from Abacus to Zori*, Roundtable Press Book, New York, 1991, hlm 315
- ³² Ainslie T. Embree, *Encyclopedia of Asian History*, vol. 4, Collier Macmillan Publishers, New York, 1988, hlm 111
- ³³ George Sansom, *A History of Japan 1615-1867*, Charles E. Tuttle Company, Japan, 1974, hlm. 7-8

³⁴ Melalui sistem Sankin Kotai, Daimyo terpaksa menukar kediaman mereka selang setahun dan perlu melaksanakan tugas pentadbiran untuk Bakufu di kawasan yang telah ditetapkan. Tujuannya adalah untuk menghancurkan autonomi feudal. Sila lihat dalam Toshio. G. Tsukahira, *Feudal Control in Tokugawa : The Sankin Kotai System*, Harvard University Press, 1966, hlm 2

³⁵ George Sansom, *Op. Cit.*, hlm. 17-18

³⁶ A.L. Sadler "*The Maker of Modern Japan : London*, (terj) Prof Sadler, Allen & Unwin, 1937, hlm. 389-90